


# Struktur Korporat Kumpulan

setakat 31 Disember 2014



## LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA




### Nota:

1. Syarikat yang tidak ditunjukkan adalah yang berstatus dormant dan yang di bawah proses pembubaran.
2. Rujuk Nota 46 dan 47 kepada Penyata Kewangan KWSP 2014 untuk mendapatkan senarai lengkap syarikat subsidiari dan bersekutu KWSP.



## Struktur Korporat Kumpulan (Samb.)

setakat 31 Disember 2014



### GLOBAL

<b>100%</b> Kwasa Global (Jersey) Ltd	<b>99.5%</b> Merbau Investors Offshore LP
<b>100%</b> Kwasa Global 2 (Jersey) Ltd	<b>99.5%</b> Cengal Private Equity Investment PLC
<b>100%</b> Kwasa Invest Ltd	<b>99.34%</b> Cengal Private Equity Investments PLC II
<b>100%</b> Kwasa Singapore (Solo) Pte Ltd	<b>99.25%</b> Meranti Fund LP
<b>100%</b> Kwasa Singapore (Duo) Pte Ltd	<b>99%</b> Merbau Investors Offshore II LP
<b>100%</b> Kwasa Singapore (Trio) Pte Ltd	<b>99%</b> Jati Private Equity Fund LP
<b>100%</b> Kwasa Australia Trust	<b>99%</b> Jati Private Equity Fund II LP
<b>100%</b> Kwasa Australia Pty Ltd	
<b>100%</b> Kwasa Europe S.A.R.L	
<b>100%</b> Kwasa Infrastructure 1	
<b>100%</b> Kwasa Capital Limited	

# Tinjauan dan Analisis Kewangan

## PRESTASI KEWANGAN

### Pendapatan Pelaburan Kasar

Catatan pendapatan pelaburan kasar KWSP pada 2014 mencecah RM39.08 bilion, iaitu RM4.08 bilion atau 11.66% lebih tinggi berbanding RM35.00 bilion pada 2013. Keuntungan modal daripada dagangan pelaburan merupakan penyumbang utama kepada penambahbaikan ini dengan mencatatkan kenaikan RM16.76 bilion atau RM4.14 bilion atau 32.81% dari tahun sebelumnya. Biarpun dilihat berlaku kejatuhan dalam kedua-dua pasaran ekuiti domestik dan global, kejatuhan harga minyak serta keadaan mata wang utama yang semakin lemah berbanding Dolar AS pada suku akhir 2014, namun keputusan pengurus dana untuk merealisasikan pendapatan yang lebih tinggi pada awal tahun merupakan suatu strategi berkesan. Di samping itu, portfolio yang telah dipelbagaikan sebaiknya membolehkan pengurus dana mengambil lebih kesempatan terhadap pasaran individu dengan pulangan yang positif. Berdasarkan pertumbuhan ini, RM2.78 bilion telah dijana daripada pelaburan yang diuruskan secara dalaman, manakala bakinya sebanyak RM865.07 juta adalah daripada pengurus dana luar.

Dividen daripada pelaburan yang diuruskan secara dalaman dan luaran mencatatkan pertumbuhan bergabung dari tahun ke tahun sebanyak RM576.72 juta atau 7.31%, selaras dengan meningkatnya pegangan pelaburan dan pendapatan stabil yang dicatatkan oleh syarikat yang dilabur daripada kedua-dua mandat domestik dan global.

Dengan lebih daripada 50% saiz dana dilaburkan dalam Instrumen Pendapatan Tetap, pelaburan ini terus memberikan aliran pendapatan yang mantap. Pulangan daripada gabungan instrumen Dipegang Sehingga Matang (HTM) dan Sedia Dijual (AFS) adalah sebanyak RM346.06 juta atau 3.54% lebih tinggi berbanding RM9.77 bilion yang dicatatkan pada 2013. Keputusan positif ini adalah disebabkan oleh bertambahnya pendedahan dana kepada instrumen tersebut dan kecemerlangan prestasi mandat pendapatan tetap global, khususnya oleh pengurus dana luaran. Pendapatan Faedah daripada Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, Baki Bank dan Pendapatan Sewa adalah konsisten dengan keputusan yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Sebahagian besar daripada RM951.05 juta kerugian belum direalisasi bersih daripada Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Keuntungan / Kerugian (FVTPL) boleh dikaitkan dengan kerugian dalam nilai instrumen lindung nilai mata wang, iaitu Kontrak Hadapan Tukaran Wang Asing. Kerugian ini adalah seiring dengan kelemahan Ringgit Malaysia berbanding Dolar AS menjelang akhir tahun 2014. Walau bagaimanapun, keuntungan bersih yang disebabkan oleh Tukaran Mata Wang Asing (FX) yang meliputi kedua-dua keuntungan belum direalisasi dan keuntungan direalisasi bagi tahun ini ialah RM1.18 bilion. Dasar lindung nilai mata wang telah dilaksanakan menurut strategi pelaburan kami yang berhati-hati dan konservatif bagi meminimumkan kerugian FX pada mana-mana tahun.

### Lain-lain Pendapatan

Lain-lain Pendapatan meningkat sebanyak 5.87% kepada RM165.82 juta dari RM156.63 juta pada 2013. Ini termasuk Dividen dan Faedah atas Caruman Tertelat Bayar oleh majikan, berjumlah RM57.80 juta, berbanding dengan RM57.5 juta pada tahun sebelumnya, dengan membentuk 34.86% daripada jumlah Lain-lain Pendapatan pada 2014. Selain itu, yuran perkhidmatan sebanyak RM45.69 juta yang diperolehi daripada Institusi Pengurusan Dana yang menguruskan dana ahli di bawah Skim Pengeluaran Pelaburan Ahli menyumbang 27.55% daripada Lain-lain Pendapatan pada 2014, memperlihatkan peningkatan sebanyak RM6.65 juta, selaras dengan meningkatnya jumlah pengeluaran dana oleh ahli di bawah skim ini.

### Perbelanjaan Operasi

Pada 2014, Perbelanjaan Operasi KWSP merosot sebanyak 4.72% kepada RM1,122.33 juta berbanding RM1,177.94 juta pada 2013. Peruntukan sekali sahaja untuk gratuiti kepada pesara bermula dari Jun 2013 berjumlah RM206.51 juta meupakan penyumbang utama kepada kemerosotan ini. Namun kos kakitangan, kos penyelenggaraan dan caj susut nilai yang lebih tinggi, masing-masing sebanyak RM111.64 juta, RM7.58 juta dan RM6.87 juta mengimbangi sebahagian daripada kemerosotan tersebut.

### Gaji, Elaun dan Kos Kakitangan

Kos Kakitangan meningkat sebanyak 15.82% kepada RM817.14 juta, berbanding dengan RM705.50 juta pada 2013, kesan daripada bayaran emolumen dan elaun yang lebih tinggi, berikutan kesan kenaikan gaji tahunan dan urusan kenaikan pangkat pada 2014.

### Susut Nilai dan Caj Pelunasan

Susut Nilai dan Caj Pelunasan meliputi susut nilai harta tanah, loji dan peralatan, pelaburan harta tanah serta pelunasan aset tak ketara dan prabayaran tanah pajak. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, susut nilai dan caj pelunasan meningkat sebanyak 8.34% kepada RM89.21 juta berbanding dengan RM82.34 juta pada tahun sebelumnya. Perkara ini adalah disebabkan penyelesaian yang lebih tinggi bagi Akaun Kerja Dalam Pembinaan terhadap projek yang telah disempurnakan berjumlah RM7.34 juta.

### Kos Penyelenggaraan

Kos penyelenggaraan termasuk penyelenggaraan peralatan komputer dan bangunan, kos pembersihan serta caj utiliti. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, caj penyelenggaraan meningkat sebanyak 12.20% kepada RM69.70 juta, berbanding dengan RM62.12 juta pada tahun sebelumnya. Punca utama kenaikan adalah disebabkan oleh kos penyelenggaraan yang lebih tinggi bagi peralatan komputer dan bangunan sebanyak RM4.13 juta. Tarif elektrik yang lebih tinggi bermula dari Januari 2014 telah mengakibatkan kenaikan bil elektrik yang berjumlah RM3.41 juta.

### Caj Berkanun

Caj Berkanun terdiri daripada bayaran Bantuan Kematian dan Hilang Upaya kepada waris dan ahli, masing-masing di bawah Seksyen 58(1) dan 58(2) termasuk Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3) Akta KWSP, 1991, yang telah diiktiraf pada tahun tersebut.

## KEDUDUKAN KEWANGAN



### Aset Pelaburan

Jumlah aset pelaburan meningkat sebanyak RM46.57 bilion, atau 7.89% daripada RM590.01 bilion setakat akhir 2013 kepada RM636.58 bilion. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh kenaikan dalam Aset Kewangan Sedia Dijual (AFS), yang menyumbangkan RM27.19 bilion atau 10.06% kepada pertumbuhan keseluruhan. Sepanjang tahun yang diulas, dengan bersandarkan prestasi pasaran ekuiti yang lebih teguh, alokasi untuk ekuiti yang membentuk majoriti aset AFS telah dipertingkatkan secara progresif dalam lingkungan had yang ditetapkan. Disokong oleh volum dagangan yang menggalakkan sungguhpun pergerakan indeks yang dilihat dalam pelbagai pasaran adalah bercampur, nilai aset AFS ditutup pada nilai RM297.37 bilion dan mewakili 46.71% daripada jumlah keseluruhan pelaburan.

## Tinjauan dan Analisis Kewangan (Samb.)

Berkenaan pendedahan KWSP kepada aset pelaburan pendapatan yang berisiko rendah dan memberikan aliran pendapatan yang stabil, aset Dipegang Sehingga Matang (HTM) serta Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, masing-masing mencatatkan RM191.71 bilion (30.12%) dan RM89.66 bilion (14.08%). Berlaku kejatuhan sebanyak -3.32% atau RM3.08 bilion dalam pelaburan untuk Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, manakala aset HTM memperlihatkan kenaikan sebanyak RM3.21 bilion atau 1.70%. Jika digabungkan, aset pelaburan ini menunjukkan sedikit kenaikan pada kadar RM0.13 bilion, atau 0.05% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Pada 2014, pelaburan tambahan turut dibuat dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu KWSP, khususnya dalam kelas aset berkaitan inflasi luar negara. Secara kumulatifnya, pegangan dalam kedua-dua syarikat subsidiari dan bersekutu mencecah RM25.72 bilion atau 4.04% daripada jumlah pelaburan, meningkat RM4.86 bilion atau 23.30% daripada RM20.86 bilion pada 2013.



- Aset Kewangan Sedia Dijual
- Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang
- Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
- Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu
- Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari
- Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung / Rugi
- Lain-lain

### Liabiliti

Jumlah liabiliti meningkat sebanyak 48.51% kepada RM6.49 bilion daripada RM4.37 bilion pada 2013, di mana penyebab utamanya adalah peningkatan akruan terhadap pembelian instrumen pelaburan pada hujung tahun yang mana pembayaran telah dibuat pada bulan berikutnya.

### Pemiutang dan Liabiliti Terakru

Sehingga 31 Disember 2014, pemiutang dan liabiliti terakru KWSP telah mencecah RM4.99 bilion, naik sebanyak 42.17% berbanding dengan RM3.51 bilion pada 31 Disember 2013. Sebahagian besar daripada kenaikan tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan pembelian bon dan ekuiti global pada akhir tahun.

### Caruman

Pada 31 Disember 2014, caruman terkumpul adalah sebanyak RM598.57 bilion, naik 11.13% atau RM59.94 bilion daripada baki penutup berjumlah RM538.63 bilion pada 2013. Simpanan terkumpul ahli dalam Akaun Caruman seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan meningkat berikutan caruman majikan melebihi jumlah keseluruhan pengeluaran yang dibayar kepada ahli dan waris, lantas menghasilkan aliran tunai bersih yang konsisten sepanjang tahun.

### Kutipan Caruman Pada Tahun Semasa

Pada 2014, sejumlah RM54.93 bilion dikutip daripada majikan, berbanding RM50.72 bilion pada tahun sebelumnya. Ini menyaksikan peningkatan sebanyak RM4.21 bilion, atau 8.30% yang konsisten dengan kenaikan gaji serta peningkatan jumlah ahli aktif. Secara purata, kira-kira RM4.58 bilion telah dikutip setiap bulan pada 2014.

### Pengeluaran dan Pengembalian Caruman Tahun Semasa

Jumlah keseluruhan pengeluaran dan pengembalian pada tahun 2014 telah mencecah RM33.78 bilion berbanding RM35.47 bilion pada tahun sebelumnya. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM1.69 bilion, atau 4.76% dan penyebab utamanya adalah kerana berkurangnya pengeluaran yang dibayar di bawah Skim Pengeluaran Pelaburan Ahli. Maklumat lanjut mengenai pengeluaran ditunjukkan di ruangan Statistik dalam Laporan Tahunan ini. Secara purata, kira-kira RM2.82 bilion dibayar kepada ahli dan waris setiap bulan pada tahun semasa.

### Lain-Lain Dana

Sehingga 31 Disember 2014, Lain-lain Dana mencapai jumlah RM41.64 bilion, yang merangkumi RM1.45 bilion dalam Lebihan Berkumpul (rizab boleh diagih) dan RM40.18 bilion dalam Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual (AFS) (rizab tidak boleh diagih). Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM13.18 bilion, atau 24.04% daripada Lain-Lain Dana berjumlah RM54.82 bilion pada 2013, selaras dengan penyusutan baki yang berkaitan dengan Rizab AFS setakat 31 Disember 2014 yang disebabkan oleh dagangan lebih aktif bagi ekuiti tersenarai, selain daripada arah aliran yang sedikit menurun dalam prestasi pasaran saham.